

Remaja didakwa dirogol mangsa penderaan seksual sejak usia 10 tahun

UM - 9 SEP 2002

MANILA 8 Sept. — Seorang remaja perempuan Filipina berusia 13 tahun yang didakwa dirogol oleh anggota polis di Sabah telah menjadi mangsa penderaan seksual di negeri itu sejak berumur 10 tahun, kata seorang pegawai kanan Filipina hari ini.

Budak perempuan itu kini diberi rawatan oleh ahli psikologi tempatan, kata Setiausaha Kebajikan Masyarakat Filipina, Corazon Soliman.

Remaja itu berada di tengah-tengah perbalahan diplomatik antara Manila dengan Kuala Lumpur ekoran tindakan Malaysia menghantar pulang pendatang tanpa izin.

“Sebahagian daripada program pemu-

lihan adalah untuk membantunya menjadi kanak-kanak semula kerana mereka telah menghancurkan kehidupannya sebagai kanak-kanak,” kata Soliman kepada stesen televisyen ANC di Manila dengan mendedahkan butir-butir kehidupan remaja itu buat kali pertama.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad minggu lepas berjanji siasatan lengkap akan dijalankan mengenai dakwaan budak perempuan itu.

Pihak berkuasa Malaysia berkata, mereka mahu remaja itu pulang ke Sabah untuk disoal siasat dan memfailkan aduannya.

Pegawai Filipina berkata, mereka akan menimbangkan permintaan itu.

Remaja yang diberi nama samaran ‘Angelica’ itu terpisah ketika berumur 10 tahun daripada ibu bapanya, sepasang suami-isteri Filipina yang miskin dan bekerja di Sabah, menurut Soliman.

“Dia mula keluar merayau-rayau dan akhirnya menjadi kanak-kanak jalanan,” kata Soliman.

“Dia berumur 10 tahun ketika itu dan telah pun didera secara seksual oleh tiga lelaki yang mengambilnya.”

Polis di Kota Kinabalu menahannya tujuh bulan lalu tetapi menghantarnya pulang baru-baru ini, menurut Setiausaha itu. — Reuters